

TAHAP KUALITI PELAJAR SEKOLAH DAN PENSYARAH MATRIKULASI DALAM MENGHADAPI MERITOKRASI DI KOLEJ MATRIKULASI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

RUSILAH JAIS¹, NORZAINI AZMAN^{2*}
& MOHAMMED SANI IBRAHIM³

Abstract. This study was designed to ascertain the quality of readiness in addressing meritocracy among lecturers and Malays students who attended Matriculation College, Ministry of Education. In particular, this study aims to find out if there are differences between lecturers' and students' perception in the eight domains related to meritocracy and achievement. The sample consists of 1800 students and 180 lecturers from seven Matriculation College, Ministry of Education, Malaysia. Data was collected using students' and lecturers' self-report questionnaires that comprise seven domains related to meritocracy which include concept of implementation, objective and effect of meritocracy, students learning, lecturers teaching and learning environment. Data was analysed using SPSS version 11. A one-way ANOVA, UNIVARIATE ANOVA and -t test were used in testing the research hypotheses. Pertinent results of the study indicate that there is a significant difference in the students' mean scores on aspects of readiness based on previous schools. Significant differences are also identified in the mean scores of items related to lecturers' readiness and their area of specialisation. The findings also show significant difference in the mean score between expectation, needs and constraints between students and lecturers. There are also significant differences of the items on quality, implication of commitment and motivation of students and lecturers in their readiness towards meritocracy. In summary, the results show differences in the students' and lecturers' perceptions in some aspects of readiness towards addressing meritocracy.

Keywords: Meritocracy; matriculation students; lecturers' readiness; students' readiness; academic achievements

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kualiti persediaan pelajar Melayu dan pensyarah kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran dalam menghadapi sistem meritokrasi. Secara khusus, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sama ada terdapat atau tidak perbezaan antara persepsi pelajar dan pensyarah dalam lapan domain berkaitan meritokrasi dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Sampel terdiri daripada 1800 pelajar dan 180 pensyarah dari tujuh buah kolej Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik pelajar dan pensyarah yang mengandungi tujuh domain yang berkaitan dengan kesediaan pensyarah dan pelajar Melayu terhadap meritokrasi iaitu konsep, pelaksanaan *sistem*,

¹⁻³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

* Corresponding author: zaini.azman@yahoo.com

matlamat/kesan sistem meritokrasi serta pembelajaran pelajar, pengajaran pensyarah dan iklim pembelajaran. Data soalselidik dianalisis menggunakan SPSS versi 11.5. Analisis ANOVA satu hala, univariate ANOVA dan ujian - t digunakan bagi menjawab hipotesis kajian. Dapatan utama kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pelajar antara jenis sekolah terdahulu pelajar. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi item kesediaan pensyarah mengikut bidang pengkhususan. Untuk domain ekspektasi, keperluan dan kekangan, terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar dan pensyarah. Begitu juga terdapat perbezaan yang signifikan skor min item berkaitan kualiti, implikasi komitmen dan dorongan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi. Keputusan ini menunjukkan wujudnya perbezaan diantara persepsi pelajar dan pensyarah bagi sesetengah aspek kesediaan menghadapi meritokrasi.

Kata kunci: Meritokrasi; pelajar matrikulasi; kesediaan pensyarah; kesediaan pelajar; pretasi akademik

1.0 PENDAHULUAN

Isu tidak ramai pelajar Melayu yang mencapai tahap kecemerlangan dalam pelajaran di peringkat sekolah dan universiti telah menjadi tajuk perbincangan yang hangat diperkatakan oleh kalangan ahli akademik dan ahli politik. Ia juga mendapat perhatian serius dari pucuk pimpinan negara YAB Perdana Menteri Malaysia (Noorwati dan Munaarfah, 2001). Isu ini timbul ekoran dari bilangan pelajar Melayu yang terlalu sedikit mencapai kejayaan yang cemerlang berbanding dengan pelajar bukan Bumiputera khususnya pelajar Cina. Walaupun kira-kira 18% pelajar Melayu telah diberi peluang yang lebih baik seperti belajar di sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), diberi biasiswa, tinggal di asrama bagi sekolah-sekolah menengah harian dan kuota yang lebih untuk memasuki universiti namun pelajar yang mendapat keistimewaan ini tidak mengambil peluang untuk mencapai tahap pencapaian akademik yang setanding dengan rakan-rakan mereka dari kalangan bukan Bumiputera yang tidak mendapat keistimewaan seperti mereka.

Para cendekiawan dan intelektual Melayu tidak berhenti dari membincangkan masalah komuniti Melayu dan seterusnya telah membuat kesimpulan berikut; (a) perlunya kewujudan generasi “Melayu Baru” dan (b) perubahan pemikiran orang Melayu. Kedua-dua isu di atas memberi kesan ke atas pendidikan, ekonomi dan politik Negara Malaysia (M.Kamal, 2003). Perlu ada satu jalan penyelesaian untuk memastikan isu ini dapat diselesaikan dengan segera. Untuk melahirkan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang baik, pihak sekolah, guru-guru malah ibu

bapa pelajar haruslah sama-sama berganding bahu bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Daripada kajian-kajian lepas didapati pelajar Melayu terlalu bergantung kepada orang lain dan mudah berpuas hati dengan apa yang diberikan kepada mereka. Selain itu kajian-kajian yang lepas juga mendapati prestasi akademik seseorang pelajar ada kaitannya dengan kebanggaan diri dengan kepuasan hati dan juga pergantungan kepada guru. Pelajar yang mempunyai kebanggaan diri yang tinggi tidak mudah berpuas hati dengan kejayaan mereka dan mereka juga kurang bergantung kepada orang lain dalam pembelajaran (Abdul Razak dan Rashidi, 1996). Dapatan kajian-kajian juga mendapati bahawa pelajar Melayu dan pelajar luar bandar lebih banyak bergantung kepada orang lain dalam pembelajaran mereka berbanding dengan pelajar bandar. Ini menyebabkan prestasi akademik mereka rendah. Dapatan ini selaras dengan teori oleh Bridgeman dan Shipman (1978) yang menyatakan terdapat kaitan yang positif antara kebanggaan diri dengan pencapaian akademik. Menurut kajian lain, kepuasan hati akan membentuk minat untuk mencapai apa yang dihayati dan ianya penting untuk seseorang itu membina motivasi pencapaian dalam dirinya (Selmes, 1996, Ashley, 1997).

Keupayaan seseorang menguasai pelajaran dengan baik juga amat bergantung kepada motivasi. Motivasi pencapaian mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya pembelajaran pelajar (Ruslin, 2007; Saemah Rahman dan John Arul Phillips, 2006). Dapatan kajian yang dijalankan ke atas pelajar di Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya oleh Siti Aishah Ali *et al.* (1996) mendapati masalah paling utama pelajar tersebut ialah masalah pembelajaran, iaitu tidak gemar berbincang dengan pensyarah, sukar memahami kuliah, tidak tahu mengambil nota kuliah, tidak suka membuat rujukan dan kurang membuat persediaan awal sebelum menghadiri kuliah, kelas-kelas tutorial dan amali. Masalah akademik pelajar merangkumi masalah dalam pembahagian masa, cara pembelajaran yang berkesan dan mendisiplinkan diri. Menyedari masalah ini, penggubal dasar dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kolej-kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan mahupun institusi-institusi swasta, bertanggungjawab untuk memperkukuhkan pengetahuan asas pelajar yang lemah ketika di sekolah rendah dan menengah.

Penubuhan Kolej-kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh negara bertanggungjawab bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pembelajaran kepada pelajar Melayu cemerlang terutamanya yang berasal dari luar bandar. Ia juga merupakan persiapan bagi menghadapi

meritokrasi yang bermaksud sistem, atau dasar atau amalan yang mengiktiraf manusia berdasarkan kebolehan, kecekapan dan kelayakannya. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bersetuju melaksanakan sistem meritokrasi bagi kemasukan pelajar ke universiti dalam usaha meningkatkan semula kecemerlangan pendidikan di kalangan pelajar Melayu. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia meningkatkan nisbah kemasukan pelajar Melayu/Bumiputera di IPT Awam dan Swasta sehingga 40 peratus menjelang 2010 berbanding 25 peratus sekarang, mencorakkan semula struktur guna tenaga yang mencerminkan kepelbagaian kaum dan membolehkan masyarakat Melayu terbabit secara bermakna dalam ekonomi negara. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kualiti persediaan pelajar lepasan sekolah menghadapi meritokrasi apabila mereka keluar dari Kolej Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kelemahan prestasi akademik pelajar Melayu bukanlah isu baru. Ia sudah dibincangkan dari semasa ke semasa sehingga kini. Bagaimanapun, isu kelemahan ini masih lagi penting untuk dikaji, dibincang dan diperdebatkan dalam usaha memperbaikinya kerana peratusan pelajar Melayu yang lemah dalam bidang pendidikan masih tinggi berbanding pelajar bukan Bumiputera. Kajian-kajian yang bertemakan prestasi akademik sering mendapat perhatian ahli-ahli akademik. Abdul Rahman dan Sobri (2000) misalnya, mendapati pelajar Melayu berada dalam keadaan selesa, selamat, dimanjakan hasil dasar dan pendekatan Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam bentuk kuota pengambilan pelajar, nikmat biasiswa pelajaran, bantuan buku teks percuma dan kemudahan-kemudahan lain. Mereka mendapati bahawa terbentuk suatu sikap hasil daripada budaya selesa justeru menghasilkan pencapaian dari sudut akademik ini bersifat amat lemah. Pelajar-pelajar bukan Bumiputera terutamanya kaum Cina mempunyai budaya dan sikap dominan yang menjelaskan pencapaian mereka dari sudut akademik sememangnya baik. Sikap pelajar-pelajar ini pula ada hubungkaitnya dengan aspek sendiri pelajar mahupun faktor dalaman pelajar. Awang Had Salleh (dalam Zulkifli dan Zuraida, 2001) mengaitkan masalah pencapaian akademik dengan aspek sendiri atau konsep sendiri pelajar.

Kegagalan pelajar, khususnya pelajar Melayu dilihat berkait rapat dengan faktor dalaman pelajar itu sendiri.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kualiti persediaan pelajar dan pensyarah kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran dalam menghadapi meritokrasi melalui dua perspektif, iaitu berdasarkan perspektif pensyarah dan perspektif pelajar.

3.0 TINJAUAN LITERATUR

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pencapaian akademik pelajar Melayu di peringkat matrikulasi dalam menghadapi meritokrasi serta kesediaan guru dan pelajar Melayu. Pencapaian akademik bergantung kepada pendekatan pembelajaran seseorang pelajar yang merupakan tindakbalas pelajar terhadap persekitaran pembelajaran di mana mereka berada. Ia bukan merupakan ciri semulajadi yang terdapat dalam diri seseorang pelajar tetapi berdasarkan tanggapan pelajar terhadap proses pembelajaran. Menurut Entwistle dan Ramsden (1983) terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan pembelajaran pelajar dengan persepsi mereka terhadap persekitaran pembelajaran.

Bahagian seterusnya menumpukan perhatian kepada dimensi pembelajaran pelajar yang merangkumi sikap, motivasi, pengaruh rakan sebaya dan gaya pembelajaran pelajar serta dimensi pengajaran pensyarah yang merangkumi gaya pengajaran, strategi pengajaran, persediaan pensyarah, sikap dan motivasi.

3.1 Definasi Meritokrasi

Hassan Ahmad (2001) telah memetik istilah meritokrasi oleh Young (1958) bererti sifat, kualiti atau perbuatan dan sebagainya yang patut mendapat kepujian atau penghargaan. Sukatan ini disamakan dengan 'kecerdikan' atau *intelligence*, disertai dengan usaha atau ikhtiar. Pemiliknya dikenalpasti sejak awal iaitu sejak mereka di peringkat kanak-kanak atau pelajar sekolah dan dipilih untuk diberikan pendidikan intensif yang sesuai dengan kecerdasan pelajar itu.

Dari segi sejarah pula, Amerika Syarikat pada awal 1900-an iaitu selepas Perang Dunia Pertama, telah menggunakan dasar meritokrasi dalam sistem pendidikan, ekonomi dan sosialnya pada waktu itu untuk menyegerakan pembangunan

negaranya sebagai negara kuasa besar selepas kemuraman Eropah. Dasar meritokrasi yang digunakan oleh Amerika kini telah menunjukkan hasil dimana kini mereka telahpun menjadi negara yang berkuasa dari sudut ekonomi dan politik.

3.2 Pelaksanaan Sistem Meritokrasi

Dalam memperkatakan kelemahan pelajar Melayu di Malaysia, contohnya dalam mata pelajaran Matematik, Abd. Rahim (2000) mengemukakan pelbagai sebab dan faktor. Antara faktor penyebabnya ialah sikap kurang minat anak-anak Melayu terhadap mata pelajaran tersebut. Sikap kurang berminat ini berpunca dari faktor yang berkaitan dengan pedagogi pengajaran matematik yang mempunyai banyak kelemahan dan menimbulkan pelbagai masalah. Guru juga tidak mahir dalam menyelesaikan permasalahan matematik.

Merujuk kepada keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Isahak (2001) melaporkan bahawa dalam keputusan keseluruhan pencapaian pelajar Melayu, dan secara implikasi pelajar-pelajar luar bandar, adalah jauh ketinggalan daripada pelajar-pelajar bandar. Pelajar-pelajar bukan Melayu lebih ramai menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam hampir semua mata pelajaran terutama sekali dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Matematik Tambahan.

Impak daripada pernyataan masalah kajian dan surutan literatur ialah perbezaan persepsi terhadap meritokrasi, ekspektasi, keperluan dan kekangan pensyarah dan pelajar dalam menghadapi meritokrasi, kefahaman dan tahap keyakinan pensyarah dan pelajar terhadap meritokrasi dan implikasi, komitmen serta dorongan pensyarah dan pelajar dalam menghadapi meritokrasi. Tegasnya, kajian mengenai kesediaan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi perlu dilakukan. Dalam konteks kajian ini, fokus kajian adalah untuk mengenal pasti kualiti persediaan pelajar dan pensyarah kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran dalam menghadapi meritokrasi melalui dua perspektif, iaitu berdasarkan perspektif pensyarah dan perspektif pelajar.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- (1) Untuk melihat perbezaan persepsi terhadap meritokrasi berdasarkan demografi pensyarah dan pelajar.
- (2) Untuk meninjau kefahaman dan tahap keyakinan pensyarah dan pelajar terhadap sistem meritokrasi.
- (3) Untuk meninjau ekspektasi, keperluan dan kekangan pensyarah dan pelajar dalam menghadapi meritokrasi.
- (4) Untuk meninjau kualiti, implikasi, komitmen dan dorongan pensyarah dan pelajar dalam menghadapi meritokrasi.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

- (1) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap meritokrasi mengikut demografi pelajar?
- (2) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap meritokrasi mengikut demografi pensyarah?
- (3) Sejauh mana kefahaman dan tahap keyakinan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi?
- (4) Apakah ekspektasi, keperluan dan kekangan pelajar dan pensyarah terhadap meritokrasi?
- (5) Sejauh manakah kualiti, implikasi, komitmen dan dorongan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi?

6.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk deskriptif di mana pendekatannya secara kuantitatif yang melibatkan proses tinjauan melalui soal selidik bagi mengumpul data. Tempat kajian ialah di tujuh buah Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Populasi kajian ialah seramai seribu lapan ratus (1800) pelajar (Sains Hayat, Sains Fizikal, Perakaunan). Seramai seratus lapan puluh (180) orang pensyarah (Jabatan Sains, Jabatan Matematik, Jabatan Sastera Ikhtisas dan Jabatan Ko-kurikulum) telah dilibatkan dalam kajian ini.

Alat kajian ialah soalan soal selidik yang terdiri dari dua set iaitu soal selidik Set A (untuk pelajar) dan soal selidik Set B (untuk pensyarah). Soal selidik ini

mengandungi lapan puluh tujuh (87) item dan terbahagi kepada enam (6) dimensi termasuk demografi. Pemboleh ubah kajian adalah terdiri daripada pemboleh ubah bebas (demografi) dan pemboleh ubah bersandar lima(5) dimensi. Kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini ialah 0.9215 hingga 0.9412, dimana ianya merupakan tahap kebolehpercayaan item yang tinggi (Mohd. Majid Konting, 1998).

Pemboleh ubah bersandar terdiri dari lapan dimensi kesediaan guru dan pelajar Melayu menghadapi meritokrasi. Dimensi 1: Konsep Meritokrasi; Dimensi 2: Matlamat Meritokrasi; Dimensi 3: Pelaksanaan Sistem Meritokrasi; Dimensi 4: Pembelajaran Pelajar; dan Dimensi 5: Pengajaran Guru. Impak daripada kedua-dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar ialah kualiti pencapaian akademik pelajar Melayu di peringkat sekolah atau kolej, kesediaan guru dan kesediaan pelajar.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas lima puluh (50) orang pensyarah dan lima ratus (500) orang pelajar. Kajian sebenar telah melibatkan seratus lapan puluh (180) orang pensyarah dan seribu lapan ratus (1800) orang pelajar. Data yang dipungut dianalisis dengan menggunakan Program Excel, Program Rasch Model - Bigsteps dan Program SPSS version 11.0. Analisis data melibatkan penggunaan statistik deskriptif (kekerapan, peratus, min, sisihan piawai) dan statistic inferensi (ujian-t, Anova 1 hala, Anova 2 hala). Tafsiran data melalui min dan sisihan piawai digunakan bagi menentukan darjah kekerapan bagi tujuan pangkatan tahap konsep, pelaksanaan, matlamat, pembelajaran pelajar, pengajaran pensyarah, peranan pentadbir, iklim pembelajaran dan peranan kerajaan menurut persepsi pelajar dan persepsi pensyarah sendiri.

Ujian t digunakan untuk menentukan perbezaan di antara dua min bagi pemboleh ubah yang diukur dengan skala sela atau skala nisbah (Mohd. Majid Konting, 1998). Bagi kajian ini ujian t digunakan bagi menguji perbezaan min item kesediaan pelajar dan pensyarah berdasarkan demografi. Manakala analisis Varians Satu Hala digunakan bagi melihat perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pelajar antara jenis sekolah terdahulu responden terhadap meritokrasi. Analisis Varians Dua Hala pula digunakan bagi melihat (i) perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pelajar antara pelajar kumpulan akademik SPM berprestasi tinggi dan pelajar dari kumpulan akademik SPM berprestasi rendah terhadap meritokrasi, (ii) kesan interaksi yang signifikan bagi min item kesediaan pelajar dalam melaksanakan meritokrasi antara pelajar kumpulan akademik SPM berprestasi tinggi dan pelajar kumpulan akademik SPM

berprestasi rendah (iii) perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pelajar antara bidang pengkhususan yang diambil oleh pelajar, (iv) kesan interaksi yang signifikan bagi min item kesediaan pelajar dalam melaksanakan meritokrasi antara bidang pengkhususan yang diambil oleh pelajar, (v) perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pensyarah antara bidang pengkhususan pensyarah terhadap meritokrasi, dan (vi) kesan interaksi yang signifikan bagi min item kesediaan pensyarah dalam melaksanakan meritokrasi mengikut pengalaman mengajar.

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Domain Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Meritokrasi

Bagi menentukan kesignifikanan tahap kesediaan pelajar, hipotesis nul berikut dibentuk.

Hipotesis Nul 1: Tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pelajar antara jenis sekolah terdahulu responden terhadap meritokrasi. Statistik ANOVA satu hala pada Jadual 1 menunjukkan kebarangkalian berlakunya fenomena ini adalah besar (lebih dari $\alpha/2$ *two tailed* iaitu 0.025 atau 2.5%). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan mengikut kesediaan pelajar Melayu berdasarkan jenis sekolah terdahulu mereka ($F = 1.287$, $DK = 1799$, $P > 0.05$). Keputusan ini bermakna hipotesis nul yang dibina diterima iaitu tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pelajar antara jenis sekolah terdahulu responden terhadap meritokrasi. Walaupun pelajar Melayu ini datangnya dari berbagai jenis sekolah yang berbeza, mereka mempunyai persepsi yang sama terhadap kesediaan menghadapi meritokrasi.

Jadual 1 Ujian ANOVA kesediaan pelajar Melayu berdasarkan jenis sekolah terdahulu

SUMBER	DK	JKD	MKD	F	Sig.F
Antara Kumpulan	6	0.570	0.095	1.287	0.260
Dalam Kumpulan	1793	132.352	0.074		
Jumlah	1799	132.922			

Signifikan pada aras $P < 0.05$

Nul Hipotesis 2: Tiada perbezaan yang signifikan dari segi min item kesediaan pelajar antara jantina dan bidang pengkhususan

Jadual 2 UNVARIATE ANALYSIS OF VARANCE pelajar Melayu berdasarkan jantina dan pengkhususan

Faktor	N	Min	Nilai F	Sig
Jantina			0.031	0.860
Lelaki	763	3.65		
Perempuan	1033	3.65		
Pengkhususan			6.61	0.001
Sains Hayat	528	3.67		
Sains Fizikal	676	3.62		
Perakaunan	596	3.66		
Interaksi			0.843	0.430
Lelaki - Sains Hayat	246	3.66		
Lelaki - Sains Fizikal	356	3.62		
Lelaki - Perakaunan	165	3.68		
Perempuan - S. Hayat	282	3.68		
Perempuan - S. Fizikal	320	3.62		
Perempuan - Perakauan	431	3.66		

Signifikan pada aras $P < 0.05$

Berdasarkan jadual di atas, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kesediaan pelajar Melayu bagi responden lelaki dengan perempuan ($p > 0.05$). Ini bermakna pelajar lelaki dan perempuan mempunyai persepsi yang sama dalam kesediaan menghadapi meritokrasi. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kesediaan pelajar Melayu mengikut bidang pengkhususan ($P < 0.05$). Oleh itu, hipotesis nol iaitu tiada perbezaan yang signifikan dari segi min kesediaan pelajar antara bidang pengkhususan yang diambil pelajar diterima. Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan bagi min kesediaan pelajar dalam melaksanakan meritokrasi antara bidang pengkhususan yang diambil pelajar dimana nilai signifikananya 0.430 adalah lebih besar dari nilai $\alpha/2$ iaitu 0.025.

7.2 Domain Perbezaan Tahap Penerimaan Pensyarah Terhadap Meritokrasi

Untuk menjawab soalan kajian kedua iaitu menentukan kesignifikan tahap kesediaan pensyarah, hipotesis-hipotesis nul berikut dibentuk dan diuji.

Hipotesis Nul 3: Tiada perbezaan yang signifikan dari segi kesediaan pensyarah antara pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan dan bidang pengkhususan pensyarah terhadap meritokrasi.

Berdasarkan Jadual 3, didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara min item kesediaan pensyarah bagi responden lelaki dengan responden perempuan. Analisis juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan diantara min item kesediaan pensyarah mengikut bidang pengkhususan. Keputusan ini menunjukkan bahawa hipotesis nul iaitu tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item kesediaan pensyarah antara pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan dan bidang pengkhususan pensyarah terhadap meritokrasi ditolak. Ini bermakna dalam kalangan pensyarah yang berbeza jantina dan pengkhususan, tahap kesediaan menghadapi meritokrasi adalah berbeza antara pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan.

Jadual 3 UNIVARIATE ANALYSIS OF VARIANCE pensyarah berdasarkan jantina, pengkhususan & lokasi sekolah

Faktor	N	Min	Nilai F	Sig
Jantina			4.434	0.037
Lelaki	97	3.61		
Perempuan	83	3.58		
Pengkhususan			13.804	0.000
Jabatan Sains	82	3.66		
Jabatan Matematik	55	3.63		
Jabatan Sastera Iktisas	26	3.43		
Jabatan Ko-kurikulum	17	3.43		
Interaksi	55	3.67	4.199	0.007
Lelaki- J.Sains	18	3.57		
Lelaki- J.Matematik	19	3.50		
Lelaki- J.Sastera	5	3.52		
Lelaki- J.Ko-ku	27	3.65		
Perempuan - J.Sains	37	3.66		
Perempuan- J.Math	7	3.24		
Perempuan- J.Sastera	12	3.38		
Perempuan- J.Ko-ku				

Signifikan pada aras $P < 0.05$

Hipotesis Nul 4: Tiada terdapat kesan interaksi yang signifikan bagi min item kesediaan pensyarah antara pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan dan bidang pengkhususan pensyarah terhadap meritokrasi.

Dari Jadual 3, didapati juga kesan interaksi yang signifikan di antara jantina dan pengkhususan responden dari sudut min item tahap kesediaan (nilai signifikannya iaitu 0.007 adalah lebih kecil dari nilai $\alpha/2$ iaitu 0.025).

7.3 Domain Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar dan Pensyarah Terhadap Meritokrasi

Bagi menentukan kesignifikanan tahap kesediaan pelajar dan pensyarah, sebanyak satu hipotesis nol dibentuk dan diuji seperti yang dijelaskan berikut:

Hipotesis Nul 5: Tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item soal selidik antara kefahaman dan tahap keyakinan antara pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi.

Jadual 4 Ujian-t bagi item kesediaan pelajar dan pensyarah berdasarkan kefahaman dan tahap keyakinan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi

Item	Kumpulan	N	Skor Min	Sisihan Piawai	DK	t	Sig.P
Min item domain B dan domain C	Pelajar	1800	3.44	0.289	1978	-11.122	0.00
	Pensyarah	180	3.69	0.259			

Jadual 4 menunjukkan min skor pensyarah ialah 3.69 (N = 180, SP = 0.25) adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor pelajar 3.44 (N = 1800, SP = 0.259). Perbezaan skor min antara dua kumpulan adalah sama dengan 0.823, ini bermakna tidak wujud perbezaan min secara signifikan bagi pensyarah dan pelajar (nilai t (DK = 1978, P > 0.05) = 11.122). Keputusan ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item soal selidik antara kefahaman dan tahap keyakinan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi. Ini bermakna di kalangan pelajar dan pensyarah, tahap kesediaan mereka menghadapi meritokrasi adalah sama.

7.4 Domain Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar dan Pensyarah Terhadap Meritokrasi

Jadual 5 Ujian-t bagi item kesediaan pelajar dan pensyarah berdasarkan domain d (ekspektasi, keperluan dan kekangan) dalam menghadapi meritokrasi

Item	Kumpulan	N	Skor Min	Sisihan Piawai	DK	t	Sig.P
Min item domain D	Pelajar	1800	3.61	0.465	1978	-1.274	0.203
	Pensyarah	180	3.66	0.572			

Bagi menentukan kesignifikanan ekspektasi, keperluan dan kekangan pelajar dan pensyarah, hipotesis nul dibentuk dan diuji seperti berikut:

Hipotesis Nul 6: Tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min domain D (ekspektasi, keperluan dan kekangan) antara pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi.

Jadual 5 menunjukkan min skor pensyarah ialah 3.66 (N = 180, SP = 0.57) adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor pelajar 3.61 (N = 1800, SP = 0.46567). keputusan ujian -t menunjukkan nilai t ialah -1.274 dengan nilai signifikan adalah 0.203 ($P > 0.05$). Keputusan ini menerima hipotesis nul kerana tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item soal selidik antara ekspektasi, keperluan dan kekangan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi. Ini bermakna tiada perbezaan di kalangan pelajar dan pensyarah dalam aspek tahap kesediaan mereka dari dimensi ekspektasi, keperluan dan kekangan dalam menghadapi meritokrasi.

7.5 Domain Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar dan Pensyarah Terhadap Meritokrasi

Bagi menentukan kesignifikanan kualiti, implikasi, komitmen dan dorongan pelajar dan pensyarah, hipotesis nul berikut dibentuk dan diuji:

Hipotesis Nul 7: Tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item soal selidik antara kualiti, implikasi, komitmen dan dorongan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi.

Jadual 6 Ujian-t bagi item kesediaan pelajar dan pensyarah berdasarkan kualiti, implikasi, komitmen dan dorongan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi

Item	Kumpulan	N	Skor Min	Sisihan Piawai	DK	t	Sig.P
Min item	Pelajar	1800	3.13	0.173	1978	-10.401	0.000
domain E dan F	Pensyarah	180	3.26	0.120			

Dapatan ujian -t (**Jadual 6**) menunjukkan min skor pensyarah ialah 3.26 (N = 180, SP = 0.120) adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor pelajar 3.13 (N = 1800, SP = 0.173). Perbezaan skor min antara dua kumpulan adalah sama dengan 0.000, ini bermakna wujud perbezaan min secara signifikan bagi pensyarah dan pelajar (nilai t, DK= 978, $P > 0.05$). Maka hipotesis nul iaitu tiada perbezaan yang signifikan dari segi skor min item soal selidik antara kualiti, implikasi, komitmen dan dorongan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi ditolak. Ini bermakna bagi dimensi yang menyatakan mengenai kualiti, implikasi, komitmen dan dorongan pelajar dan pensyarah adalah berbeza.

8.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

8.1 Pengaruh Faktor Demografi Terhadap Kesediaan Pelajar dan Pensyarah Menghadapi Meritokrasi

Hasil analisis berkaitan pengaruh faktor-faktor demografi iaitu lokasi sekolah terdahulu, jenis sekolah terdahulu, jantina, pencapaian dalam Sijil Pelajaran Malaysia dan pengkhususan adalah seperti berikut:

- (a) Jenis sekolah terdahulu responden tidak mempengaruhi kesediaan pelajar; Walaupun pelajar Melayu ini datangnya dari berbagai jenis sekolah yang berbeza tetapi mereka mempunyai persepsi yang sama terhadap kesediaan menghadapi meritokrasi.
- (b) Jantina tidak mempengaruhi kesediaan pelajar; tiada perbezaan skor min kesediaan pelajar yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
- (c) Bidang pengkhususan pelajar mempengaruhi kesediaan pelajar. Namun, tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan bagi min

kesediaan pelajar dalam melaksanakan meritokrasi antara bidang pengkhususan yang diambil pelajar.

Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan min kesediaan pelajar menghadapi meritokrasi antara pelajar lelaki dan perempuan dan juga jenis sekolah. Dapatan ini menolak kajian Abdul Razak & Rashidi (1991) yang mengatakan pelajar lelaki lebih mudah berpuas hati dengan kejayaan berbanding dengan pelajar perempuan. Ini adalah berkemungkinan responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar cemerlang yang berjaya terpilih memasuki program Matrikulasi.

8.1.1 *Kesediaan Pensyarah*

Hasil analisis berkaitan pengaruh faktor-faktor demografi iaitu jantina dan bidang pengkhususan pensyarah adalah seperti berikut:

- (a) Jantina tidak mempengaruhi kesediaan pensyarah; tiada perbezaan skor min kesediaan pensyarah yang signifikan antara pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan.
- (b) Bidang pengkhususan pensyarah (mengikut jabatan) mempengaruhi kesediaan pensyarah; wujud perbezaan skor min kesediaan pensyarah yang signifikan antara pensyarah dari Jabatan Sains, Jabatan Matematik, Jabatan Sastera Iktisad dan Jabatan ko-kurikulum.

Bidang pengkhususan dan jantina mempengaruhi kesediaan pensyarah; terdapat kesan interaksi yang signifikan di antara jantina dan pengkhususan responden

8.2 Ekspektasi, Keperluan dan Kekangan Pelajar dan Pensyarah dalam Menghadapi Meritokrasi

Dimensi ini melibatkan pelaksanaan sistem meritokrasi di mana pengkaji ingin melihat keupayaan pelajar, suasana belajar dan kemudahan belajar. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa wujud perbezaan min secara signifikan bagi pelajar dan pensyarah terhadap dimensi ekspektasi, keperluan dan kekangan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi. Ini menunjukkan bahawa pelajar dan pensyarah di kolej-kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia berpendapat bahawa segala prasarana dan keperluan bagi mereka melaksanakan

pengajaran dan pembelajaran belum mencukupi untuk mereka bersedia menghadapi meritokrasi. Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini menyokong teori dan dapatan kajian lepas yang mengutarakan faktor yang menyebabkan kegagalan pelajar di institusi pengajian tinggi ialah suasana pembelajaran, kekangan masa, kewangan dan masalah peribadi (Tinto, 1993; Tinto, 2000 dan Sweet, 1986).

Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian yang telah dibuat oleh Brook et.al. (1989), Edmonds (1986), Howard (1990), Levin (1988), Rutter et.al (1979) dan Slavin et.al (1989) di mana mereka mendapati bahawa sekolah yang menekankan ekspektasi yang tinggi bagi semua pelajar serta memberi dorongan dan sokongan yang sewajarnya untuk mencapai ekspektasi tersebut memperlihatkan pencapaian akademik yang cemerlang. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa institusi seperti kolej-kolej Matrikulasi seharusnya dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan yang lengkap dan jaringan internet agar pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah dapat mengakses bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah dan cepat. Galakan kepada orientasi matlamat pembelajaran dan ekpektasi yang tinggi juga akan meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar seterusnya mempengaruhi pencapaian mereka.

8.3 Tahap Kefahaman dan Keyakinan Pelajar Dan Pensyarah Dalam Menghadapi Meritokrasi

Dimensi ini meliputi konsep meritokrasi di mana ia memperkatakan mengenai kefahaman maksud dan kecemerlangan pelajar. Ia juga merangkumi dimensi matlamat/kesan sistem meritokrasi. Skop yang ingin dilihat dalam dimensi ini ialah perubahan sikap pelajar dan perubahan sikap guru/pensyarah. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min secara signifikan antara pelajar dan pensyarah bagi dimensi kefahaman dan keyakinan dalam menghadapi meritokrasi. Ini menunjukkan bahawa pelajar dan pensyarah di kolej-kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai pendapat yang sama terhadap dua dimensi ini.

Untuk mencapai matlamat dan kesan yang maksimum bagi menjayakan sistem meritokrasi, dua aspek yang utama harus dilihat: (i) Adakah pelajar-pelajar sudah bersedia? Oleh itu konsep bersedia itu bermaksud pelajar lebih tekun belajar,

pelajar lebih yakin dengan kebolehan diri, pelajar tidak bergantung kepada orang lain, mempunyai sikap kebanggaan diri yang tinggi dan tidak mudah berpuas hati. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu bersaing dengan pelajar bukan Bumiputera semasa di pusat-pusat Pengajian Tinggi. (ii) Adakah pensyarah-pensyarah dapat mengajar secara berkesan? Konsep pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bermakna pengajaran guru dianggap baik jika beliau berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, mendalami isi kandungan yang hendak diajar dan menyediakan alat bantu mengajar yang sesuai (Kuh 2001, Pascarella 2001, Pike 1995, Pike 2004). Kesemua ini merupakan penyelesaian masalah kepada kefahaman dan keyakinan pelajar dan pensyarah dalam menghadapi meritokrasi.

Dapatan kajian ini selaras dengan teori Polya (1957) yang menyatakan bahawa keupayaan dalam menyelesaikan masalah ialah keupayaan menentukan langkah-langkah bagi mencapai matlamat. Oleh kerana perubahan sosial berkembang dengan pesatnya, maka rakyat di abad ke 21 ini mesti mahir dalam menyelesaikan masalah dan keupayaan menyelesaikan masalah adalah kemahiran yang diperlukan untuk masa hadapan (Martinez, 1998; Tan 2004).

8.4 Kualiti, Implikasi, Komitmen dan Dorongan Pelajar dan Pensyarah dalam Menghadapi Meritokrasi.

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa skor min pelajar lebih rendah berbanding pensyarah. Ini menunjukkan pelajar menghadapi masalah dalam pembelajaran mereka. Mereka mengharapkan pensyarah memberikan input yang sepatutnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Zulkifli M. Rasid & Zuraida Haji Ismail (2002) yang menyatakan bahawa pelajar Matrikulasi sebenarnya berada di era peralihan, iaitu dari zaman persekolahan yang terlalu banyak bergantung atas sokongan guru dan ibubapa kepada satu zaman yang memerlukan kebolehan hidup sendiri. Justeru, para pensyarah dan kakitangan bukan akademik harus bersimpati dengan masalah mereka. Sedikit sokongan dari pihak institusi dapat memberikan keyakinan kepada pelajar untuk mengharungi hidup di universiti mahupun Kolej-kolej Matrikulasi.

Selain daripada faktor pelajar yang memberi kesan kepada pencapaian akademik, faktor guru/pensyarah juga harus diambil kira. Menurut Kember &

Gow (1991), cara berfikir atau belajar pelajar berkait rapat dengan corak pengajaran yang diterima. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Skemp (1971) dan Dreyfus (1991) yang menyatakan pengajaran matematik memberi pelajar 'hasil pemikiran matematik' dan bukan 'proses pemikiran matematik'. Akibatnya pelajar bergantung kepada guru untuk memberitahu mereka bagaimana dan bila untuk melakukan sesuatu perkara. Mereka bergantung kepada guru untuk membetulkan kesilapan mereka. Ini selaras dengan teori Bruner (1971) yang mencadangkan pengajaran yang berkesan seharusnya membolehkan murid menemui pengetahuan secara sendiri. Faktor-faktor dan variasi dalam proses regulasi sendiri perlu diterapkan dalam proses pembelajaran dan pengajaran di kolej-kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia agar pelajar dapat belajar secara sendiri tanpa penggantungan pada orang lain. Seterusnya mereka dapat menyesuaikan diri ketika mereka berada di institusi pengajian tinggi kelak.

9.0 KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan seramai 180 orang pensyarah dan 1800 orang pelajar di tujuh buah Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar dapat menguasai pelbagai aspek meritokrasi. Mereka menyatakan bahawa mereka faham akan pelaksanaan sistem meritokrasi, konsep meritokrasi dan juga kesan daripada meritokrasi. Pelajar dan pensyarah perlu diberikan sokongan dan bimbingan secara berterusan untuk meningkatkan kualiti dan prestasi mereka. Pelajar seharusnya sentiasa didorong untuk terus memperkembangkan kemahiran belajar sendiri bagi meningkatkan kualiti pemikiran dan tingkahlaku dalam kehidupan di kolej dan di universiti kelak. Tugas pensyarah pula termasuk meningkatkan reka bentuk pengajaran mereka dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah pelajar. Justeru, pendekatan pengajaran yang memberi perhatian kepada usaha mengeksplicitkan pemikiran pelajar kepada diri mereka sendiri, kepada rakan sebaya merupakan satu pendekatan yang dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran belajar dan kemahiran sendiri. Melalui pendekatan yang efektif, pelajar dapat dibantu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang kecemerlangan akademik dengan mengamalkan regulasi sendiri dalam proses

pembelajaran dan pemikiran mereka bagi memperbaiki prestasi akademik mereka.

Dapatan kajian juga mendapati pensyarah dari bidang pengkhususan yang berlainan mempunyai persepsi yang berlainan. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk pensyarah-pensyarah ini diberikan kursus-kursus tertentu yang menjurus kepada peningkatan professionalism mereka khususnya yang berkaitan dengan pengajaran pelajar dewasa atau andragogi. Sehubungan itu, diharap pensyarah akan lebih perihatin dan lebih bersedia dalam menyediakan pelajar dewasa bagi menghadapi meritokrasi. Seterusnya, bagi pihak pentadbir pula, adalah perlu mereka mendalami serta sentiasa peka dengan keperluan pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah khususnya dalam aspek keperluan infrastruktur. Semua ini dapat membantu pelajar, pensyarah dan pentadbir untuk bersiap sedia menghadapi meritokrasi dengan lebih terbuka.

10.0 RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan pelajar dan pensyarah matrikulasi bersedia menghadapi sistem meritokrasi walaupun wujudnya perbezaan diantara persepsi pelajar dan pensyarah bagi sesetengah aspek kesediaan menghadapi meritokrasi. Sebagai kesimpulan, sistem meritokrasi memerlukan komitmen yang tinggi di kalangan semua pihak terutamanya pelajar Melayu, ibubapa, guru-guru, pengetua-pengetua serta Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri. Justeru, pelbagai langkah-langkah berstrategik masih perlu diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua agensi yang terlibat bagi memastikan sistem meritokrasi ini dapat dilaksanakan secara lebih efektif dan pelajar melayu dapat menyesuaikan kecemerlangan akademik mereka mengikut keperluan system ini. Strategi pembelajaran dan pengajaran yang lebih efektif perlu disepadukan dengan kemahiran sendiri pelajar agar dapat mempertingkatkan sikap pelajar Melayu terhadap meritokrasi.

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa batasan yang mana ia hanya melibatkan penggunaan soal selidik keatas tujuh buah kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Diharapkan kajian lanjutan yang melibatkan lebih ramai responden dan pelbagai kaedah kajian seperti temubual untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci serta hakikat pelaksanaan sebenar system meritokrasi dapat dijalankan pada masa akan datang yang meliputi

pemboleh ubah kajian lain seperti status sosioekonomi ibubapa dan persepsi pelajar bukan bumiputera.

RUJUKAN

- [1] Abd. Rahim Abd. Rashid. 2000. Kelemahan Bumiputera dalam Matematik. *Wawasan & Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- [2] Abdul Rahman Aziz & Sobri Sudin. 2000. Budaya Kehidupan Pelajar di Universiti: Pengamatan Antara Tiga Etnik Utama. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan 2000. *Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [3] Abdul Razak Habib & Rashidi Azizan. 1997. Hubungan antara Stail Pembelajaran dengan Pencapaian Sains dan Matematik Sekolah Menengah Rendah. *Jurnal Pendidikan*. 22: 39-49.
- [4] Ashley, E. A. 1997. School Affect & Academic Achievement in Relation to Expected Self, Best Friend & Peer Group Reactions. Vol. 36-02 of *Dissertation Abstract International*.
- [5] Bridgeman, B. & Shipman, V. C. 1978. Preschool Measures of Self - Esteem and Achievement Motivation as Predictors of Third Grade Achievement. *Journal of Educational Pshychology*. 70(1): 27-28.
- [6] Brook, J., Nomura, C., & Cohen, P. 1989. A Network of Influences on Adolescent Drug Involvement: Neighborhood, School, Peer, and Family. *Genetic, Social, and General Psychology Monographs*. 115(1): 303-321.
- [7] Bruner, J. S. 1971. *The Relevance of Education*. New York: Norton.
- [8] Dreyfus T. 1991. On the Status of Visual Reasoning in Mathematics and Mathematics Education. *Proceedings of the XV Meeting of the International Group for the Psychology of Mathematics Education*. Assisi, Italy. Vol. I: 33-48.
- [9] Edmonds, R. 1986. Characteristics of Effective Schools. In U. Neisser (Ed.). *The School Achievement of Minority Children: New Perspectives*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum. 93-104.
- [10] Entwistle, N. J. 1983. *Style of Learning and Teaching*. New York: John Wiley & Sons.
- [11] Hassan Ahmad. 2001. Cipta Meritokrasi Kita Sendiri. *Mingguan Malaysia*. 12 Ogos: 6.
- [12] Howard, J. 1990. *Getting Smart: The Social Construction of Intelligence*. Lexington, MA: The Efficacy Institute.
- [13] Isahak Haron 2001. *Ke Arah Melahirkan Melayu Cemerlang*. Seminar Perhimpunan Seribu Pemimpin Melayu Prihatin. Dewan Jubli Perak, Shah Alam.
- [14] Kember, D & Gow, L. 1991. Instructional Design for Independent Learning. *Instructional Science*. 20: 289-310.
- [15] Kuh, G. D. 2001. Assessing What Really Matters to Student Learning: Inside the National Survey of Student Engagement. *Change*. 33(3):10-18.
- [16] Levin, H. 1988. Accelerated Schools for Disadvantaged Students. *Educational Leadership*. 44 (6): 19-21.
- [17] Martinez, M. E. 1998. What is Problem Solving? *Phi Delta Kappan*. 79: 605-609.
- [18] M. Kamal Hassan. 2003. Setting the Muslim Mindset in Malaysia: Facing the Challenges of Globalization. International Conference on Teaching and Teacher Education.
- [19] Mohd. Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [20] Noorwati Salleh & Munaarwah Abu Bakar. 2001. Pelbagai Pihak Minta Cadangan Diteliti Semula. *Berita Harian*. 4 Ogos:6.

- [21] Pascarella, E. T. 2001. Identifying Excellence in Undergraduate Education. Are We Even Close? *Change*. 33(3):19-23
- [22] Pike, G. R. 1995. The Relationship Between Student Report of College Experiences and Achievement Test Scores. *Research in Higher Education*. 36:1-21.
- [23] Pike, G. R. 2004. Measuring Quality: A Comparison of US News Ranking and NSSE Benchmarks. *Research in Higher Education*. 36:1-21.
- [24] Polya, G. 1957. *How to Solve It: A New Aspect of Mathematical Method*. Princeton NJ: Princeton University Press.
- [25] Ruslin Amir 2007. Stail Berfikir, Stail Pengajaran dan Stail Pembelajaran Pensyarah dan Pelajar UKM. Tesis Ijazah Kedoktoran Fakulti Pendidikan UKM Bangi.
- [26] Rutter, M., Maughan, B., Mortimore, P., Ouston, J., & Smith, A. 1979. *Fifteen Thousand Hours*. Cambridge, MA: Harvard University.
- [27] Saemah Rahman & John Arul Phillips 2006. Hubungan antara Kesedaran Metakognisi, Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Universiti. *Jurnal Pendidikan*. 31: 21-39.
- [28] Selmes, I.P. 1987. *Improving Study Skills (Changing Perspective In Education)*. Great Britain : Hodder and Stoughton Ltd.
- [29] Siti Aishah Hashim Ali, Ahmad Hashim & Zaini Nor. 1996. Pengalaman Kumpulan Pelajar yang Melalui Pembelajaran di Pusat Asasi Sains: Satu kajian. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [30] Slavin, R., Karweit, N., & Madden, N. 1989. *Effective Programs for Students at Risk*. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- [31] Skemp, R. R. (1971, 2nd Edn 1986). *The Psychology of Learning Mathematics*. Harmondsworth: Penguin Books.
- [32] Sweet, R. 1986. Student Dropout in Distance Education: An Application of Tinto's Model. *Distance Education*. 7(2).
- [33] Sweller, J. & Chandler, P. 1994. Why Some Material is Difficult to Learn. *Cognition and Instruction*. 12: 185-233.
- [34] Tan, O. S 2004. Cognition, Metacognition and Problem Based Learning. Dalam Tan O.S. Eds. *Enhancing Thinking through Problem-Based Learning Approaches*.
- [35] Tinto, V. 1993. *Leaving College: Rethinking in Causes and Cure of Student Attrition*. Chicago: University of Chicago Press.
- [36] Tinto, V. 2000. *Rethinking the Causes and Cure of Student Attrition*. 3rd Edition. Chicago: University of Chicago Press.
- [37] Zulkifli M. Rasid & Zuraida Haji Ismail. 2001. Masalah Pembelajaran Pelajar-Pelajar 'Percubaan' di Institusi Pengajian Tinggi. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan 2001. Strategi Pengajaran Kepelbagaian Pelajar. Fakulti Pendidikan UKM 2000.